

DAKWAH MELALUI PENULISAN PUISI MELAYU: ANALISIS TERHADAP KARYA ABHAM T.R

NORAINI MOHAMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norainimohamad@kuis.edu.my

MARIAM ABDUL MAJID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mariam@kuis.edu.my

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan mengenai dakwah dalam penulisan puisi Melayu yang berorientasikan sajak. Karya Abham T.R. dipilih untuk dianalisis kerana puisi yang dihasilkan mempunyai pengaruhnya yang tersendiri kepada pembaca dengan penghasilan sajak yang berbentuk islamik yang menjadi satu mekanisme dakwah secara kreatif dan bersahaja. Penulisan ini bertujuan menganalisis aspek dakwah melalui bahasa yang digunakan dalam rangkap-rangkap sajak yang dihasilkan. Hasil analisis terhadap sajak yang dihasilkan menunjukkan, pena yang dilakarkan dalam sajak tersebut merujuk kepada seruan kepada kebaikan dan mengajak masyarakat untuk kembali dekat kepada Allah SWT. Ayat-ayat pujukan, seruan, sindiran dan penerangan menunjukkan satu olahan bahasa yang menarik dan sampai ke hati pembaca, malah mampu membangkitkan kesedaran untuk hidup secara bertuhan. Skop yang disentuh juga merangkumi semua ruang lingkup kehidupan bermula dengan aspek akidah, syariat dan akhlak.

Kata kunci : dakwah; penulisan; puisi Melayu; karya; Abham T.R.

DA'WAH BY MALAY POETRY WRITING: ANALYSIS OF THE WORK OF ABHAM T.R

ABSTRACT

This writing discusses about da'wah in the Malay poetry writing of poem oriented. Works of Abham T.R. was chosen to be analyzed as the poetry produced had its own distinctive influence to readers with the creation of an in-kind Islamic poem which became a creative and careful mechanism. This writing aims to analyze the aspects of da'wah through the language used in the inclusion of poetry produced. The result of the analysis of the poetry produced show that the pen which was carried out in the poetry refers to a call to the goodness and invites the community to return close to Allah. Persuasion versus, calls, sarcasm and information show treatment of interesting language and reach the heart of the reader, but also able to raise awareness of the Lord's life. The scope discussed encompasses all of the life beginning with *aqidah*, *shariah* and *akhlak* aspects.

Keywords: da'wah; writing; Malay poetry; work of; Abham T.R.

PENGENALAN

Puisi merupakan satu mekanisme yang digunakan dalam masyarakat melayu bagi menyampaikan sesuatu tujuan. Menurut Hashim Awang (1984:58), puisi adalah karangan berangkap yang ditulis dengan cara susunan kata yang mementingkan irama, bunyi dan kiasan. Puisi merupakan alat pengucapan fikiran yang terindah dan berkesan. Antara bentuk puisi yang terkenal termasuk pantun, syair, seloka, gurindam dan sajak. Puisi juga dikatakan sebagai komunikasi kreatif yang digunakan dalam kalangan masyarakat melayu yang telah dihasilkan dalam pelbagai bentuk sama ada melibatkan luahan perasaan, motivasi, penceritaan, seruan dan sebagainya bertujuan mengajak pembaca dan audien memahami maksud yang ingin disampaikan. Justeru penulisan ini telah mengupas karya puisi berorientasikan sajak yang dihasilkan oleh Abham T.R. Penulisan sajak yang dihasilkan oleh Abham T.R. ini berunsurkan sajak islamik, justeru penulis akan menganalisis karya beliau berdasarkan mesej yang ingin disampaikan dalam sajak tersebut iaitu berkait dengan unsur dakwah dalam penulisan.

BIOGRAFI PENULIS

Abdul Aziz bin Haji Mahmood atau lebih dikenali dengan nama penanya Abham T.R. merupakan salah seorang tokoh yang banyak memperjuangkan Bahasa Melayu melalui puisi terutamanya sajak-sajak Islamik. Kajian berkaitan biografi tokoh Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan bahasa sebagai medium penyampaian mesej ajaran Islam. Selain itu, kajian ini juga dibuat bagi mengetengahkan ketokohan beliau sebagai orang yang banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan Bahasa Melayu dan juga kecintaan beliau terhadap bahasa ibunda melalui sajak dan pelbagai puisi yang dihasilkan. Kelainan juga didapati pada sajak dan puisi yang dihasilkan oleh beliau ialah apabila beliau berjaya menampilkan puisi dan sajak dengan bahasa yang mudah difahami dan santai di samping berjaya membawa mesej Islam yang menyentuh pelbagai aspek seperti sejarah, tokoh, kisah dan sebagainya lagi (Noraini, 2017:2).

NILAI BAHASA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Nilai bahasa dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa juga yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Sebaliknya apa yang diperintahkan-Nya perlu dilaksanakan sebaik mungkin (Noriati A. Rashid, 2005:233). Selain itu, nilai juga boleh dikaitkan dengan nilai budaya sesebuah masyarakat yang boleh difahami sebagai tahap ketinggian budaya sesebuah masyarakat termasuk dari sudut pemikiran, agama, kemasyarakatan, ekonomi dan politik (A.Halim Ali, et.al, 2017:236). Orang Melayu juga memandang berat terhadap nilai berbahasa. Bahasa Melayu dengan jelas mencerminkan pemikiran dan corak kehidupan orang Melayu yang kaya dengan pepatah petiti dan pantun, dan kedua-duanya dengan jelas menggambarkan perunggu minda orang Melayu (Nirwana & Zulkifley, 2016:146). Adapun nilai terhadap bahasa menentukan jenis-jenis bahasa seperti bahasa halus, bahasa kesat, bahasa kasar, dan bahasa biadab (Noriati A. Rashid, 2005:234). Penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza (Amat

Juhari, 2001: 234). Bagi menegakkan sistem nilai, orang Melayu menekankan beberapa konsep yang diutamakan dalam kehidupan seharian mereka, iaitu konsep malu, harga diri, maruah dan air muka (Wan Abdul Kadir, 2000:4).

Sehubungan itu, masyarakat melayu sinonim dengan pendekatan bahasa sebagai salah satu cara untuk menyampaikan hasrat hati atau tujuan dalam pergaulan seharian. Penggunaan bahasa banyak dikaitkan dengan puisi, pantun, sajak dan sebagainya. Muhammad Salleh dalam bahagian pengenalan Kumpulan Pantun Kurik Kundi Merah Saga (2011:xxix) menyatakan bahawa pantun Melayu menghamparkan pelbagai dunia seperti laut, sungai, hutan, persawahan, dan perburuan dalam pembayang pantun. Sim (1987:12) berpandangan bahawa orang Melayu itu dapat dikenali simbolismenya, rasa cintanya, metaforanya, falsafahnya yang menggambarkan perwatakan orang Melayu sejati iaitu ghairah, sinis, lemah lembut melalui pantun (Khalila Ilia Ismail & Mohd Faizal Musa, 2016:2). Justeru penggunaan bahasa yang santun dan kreatif dalam pendekatan dakwah sangat penting bagi menarik perhatian audien dan golongan sasaran.

PENGGUNAAN BAHASA DALAM PENDEKATAN DAKWAH

Bahasa mempunyai peranan besar dalam mengendalikan tingkah laku manusia yang dapat digunakan untuk mengawal manusia menjadi tertawa, menangis, sedih, marah dan sebagainya, bahkan bahasa dapat juga digunakan untuk memasukkan gagasan-gagasan baru ke dalam pemikiran manusia (M. Isa Anshary, 1979:27). Justeru peranan bahasa dalam menyampaikan dakwah suatu yang sangat penting dan tidak boleh dipertikaikan. Mesej dakwah boleh disampaikan melalui pelbagai medium, antaranya ialah penggunaan bahasa penulisan, percakapan, tayangan dan sebagainya lagi. Kepelbagaian medium ini juga merupakan satu wahana bagi memastikan khalayak pembaca atau pendengar memahami peranan dan fungsi setiap individu atau kelas dalam masyarakat yang ada (Safwan Razali & Zubir Idris, 2018:228).

Bahkan al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama masyarakat Islam telah meletakkan beberapa spesifikasi penggunaan bahasa dalam menyampaikan dakwah. Antara penggunaan bahasa yang dianjurkan dalam al-Quran adalah menggunakan kata-kata yang lembut (*qaulan layyina*), kata-kata yang memberi kesan (*qaulan baligha*), perkataan yang mudah dan senang (*qaulan maysura*), kata-kata yang baik dan mulia (*qaulan karima*), kata-kata yang benar (*qaulan sadida*) dan kata-kata yang baik serta bersifat ihsan (*qaulan ma'rufa*) (Zikmal Fuad, 2015:22). Bentuk-bentuk bahasa yang dianjurkan dalam al-Quran ini telah dijadikan panduan oleh penulis dalam menganalisis puisi yang telah dikarang oleh Abham T.R.

ANALISIS PENGGUNAAN BAHASA DAKWAH DALAM PUISI MELAYU KARYA ABHAM T.R.

Posisi yang menarik untuk dikaji dalam penulisan puisi karya Abham T.R. adalah ajakan dan seruan ke arah kebaikan, selain cuba membawa pembaca untuk menyelami dan memahami hakikat manusia ciptaan Allah SWT. Puisi dan sajak yang ditulis ini adalah sebagai salah satu cara untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Berikut merupakan beberapa karya yang telah dianalisis dalam penulisan ini. Karya pertama yang dianalisis ini adalah menyentuh tentang akidah umat Islam merangkumi hubungan manusia dengan Allah SWT.

‘Adalah Aku’.

Adalah aku adalah kau adalah hamba-Nya (5x)
Dapatkah kita merasainya
Duhai nafiri diri
Adaku ada kau ada-Nya (5x)
Tiadaku tiada kau
Dia tetap ada
Baqa' dan abadi
(09 Zulhijjah 1428H)

Sajak ini membicarakan berkait dengan akidah sebagai seorang Islam. Hubungan hamba dengan Pencipta iaitu Allah SWT. Sajak ini memperlihatkan bahasa percakapan dengan diri sendiri. Ia menuntut kepada kepercayaan dan keyakinan tentang Pencipta yang maha berkuasa dan tidak berkehendakkan makhluknya terutama manusia. Apa yang perlu dilakukan oleh manusia adalah tunduk patuh kepada Allah SWT. Pendekatan yang digunakan dalam rangkap sajak ini adalah melalui dialog dengan diri bagi melahirkan keinsafan dan kesedaran tentang keagungan Allah SWT.

Puisi seterusnya berkait dengan menampilkan peranan tokoh agama. Abham T.R telah memperkenalkan tokoh-tokoh penting yang berperanan memperjuangkan ajaran Islam. Ramai tokoh yang ditulis oleh beliau, namun penulisan ini hanya mengambil seorang sahaja untuk dianalisis iaitu tokoh Tok Kenali.

‘Tok Kenali @ Haji Mohammad Yusof Awang’

Walau namaku Muhammad Yusuf
Tapi Tok Kenali lebih dikenali
Kampung kelahiran
Menjadi idaman
Hingga sekolah dan jambatan
Turut memberi penghormatan
Kendati ibu ayah orang biasa
Kendati rupa kurang harta tiada
Tapi kupenuhi jiwa dan akal remaja
Dengan kitab-kitab fikah As-Syafie, Maliki, Hanafi dan Hambali
Kitab-kitab falsafah al-Ghazali
Tafsir hadith nahu saraf maani bayan badi’
Pecahan ilmu balaghah dan adab Arabiah

Karya-karya sufi dan usuluddin
Abdul Kadir Jailani, Abu Hasan Asyari dan Syikh Daud al-Fatani
Semua kuceduk dan kuteguk serbat ilmu
Dari madu keimanan yang terhidang
Dari tanah jawi hingga Semenanjung Arabi
Kota Mekah nan berkat
Bumi nabi dan tapak malaikat
Kuziarahi bumi Mesir dan sungai Nil
Tasik Qarun dan Kota Firaun

Masjid-masjid agung dan pelabuhan Iskandariah
Sempena raja Islam memerintah Timur dan Barat
Iskandar Zul-Qarnain

Kini aku kembali ke bumi serambi
Tanah serendah sekebum bunga
Negeri Cik Siti
Sultan memperkenan penyibaran risalah keislaman
Tumbuh pondok bagai cendawan
Jadilah Kenali perkampungan ilmu
Menerima murid dari seluruh ceruk
Tanah Melayu, Indonesia, Pattani, Kemboja dan Sri Lanka

Kini muridku merata dan melata
Di setiap rantau dan desa
Di hulu Tok Kemuning menguning
Di pantai Tok Bachok menebar
Di tengah Ahmad Maher menelaah

Kujadikan kalam perkasa bahasa dan pengetahuan
Pengasuh menjadi lidah pendeta
Sebagai ketua pengarang pertama
Majalah wujud sebelum perang
Kekal hingga sekarang
Walau sekali sekala tersua
Di gerai tua atau di sepi pustaka

Harapku, generasi melayu tetap bangkit
Dengan simpulan keislaman
Quran dan Sunnah sebagai panduan
Mazhab Syafie jadi ikutan
Hingga ke akhir zaman

Tualang Rendah (2010)

Melalui puisi ini, jelas menunjukkan penulis cuba menyampaikan kelebihan dan kebaikan seorang tokoh agama yang berjuang menyebarkan ajaran Islam. Penggunaan ayat-ayat pujian sebagai cara untuk membuktikan kehebatan tokoh Tok Kenali, malah penulis juga menggambarkan bagaimana penghormatan yang sepatutnya diberikan kepada tokoh yang banyak berjasa ini. Gambaran yang diberikan juga berbentuk penceritaan mengenai sejarah dan latar belakang tokoh agama ini sekali gus membuatkan pembaca akan mengenali tokoh ini secara tidak langsung. Satu sajak ini seolahnya telah menghasilkan satu biografi tokoh yang boleh dibaca dan difahami dengan cara yang mudah kerana bahasa yang digunakan mudah dan tepat tanpa menggunakan ayat-ayat kiasan.

Pengharapan kepada generasi baharu telah diterapkan dalam rangkap ini '*Harapku, generasi melayu tetap bangkit, dengan simpulan keislaman*' menunjukkan bahasa yang digunakan

hidup mewakili Tok Kenali yang telah tiada di dunia ini. Namun harapannya masih berbekas dan dirasai oleh generasi kini.

Seterusnya puisi yang berkait dengan hukum Islam juga dimuatkan dalam nukilan beliau yang bertajuk hudud.

‘Hudud’

Sempadan yang terbina
Sejak azali

Ia berdiri
Di antara horizontal
Dan langit waktu

Tangan angin
Mengayun buai
Sedari bayi

(21 Zulhijjah 1430H)

Sajak ini mempunyai maksud yang tersirat dan agak sukar untuk dijangkau dengan pemikiran mudah. Dua rangkap “*Sempadan yang terbina, sejak azali*” menunjukkan bagaimana penulis cuba membawakan hukum hudud merupakan suatu hukum yang tetap daripada Allah SWT sejak azali lagi dan tidak boleh diubah sama sekali oleh manusia di duniawi. Mesej dakwah ini merujuk kepada seruan untuk patuh dan taat kepada perintah Allah SWT dengan segala apa yang diperintahkan.

Selain itu, Abham T.R. juga banyak menulis puisi yang berkait dengan tempat seperti Palestin, negeri Kelantan dan sebagainya bagi menggambarkan sejarah dan peristiwa bersejarah di tempat-tempat tersebut. Antara yang dimuatkan dalam penulisan ini ialah Negara Palestin.

‘Hanya Batu Kecil’

Hanya batu kecil
Itulah cuma senjatamu
Batu kecil menelurkan suara kecil
Dari tangan kecil
Itulah gerak nuranimu
Menghebahkan mayapada
Palestin negaraku-nyawaku
Kuhadiahkan darah tulang daging
Urat saraf rindu dan cinta
Hanya batu-batu kecil bias menafsir
Makna sebuah getir
Jika maruah diperkosa
Apalah makna bahagian
Jika perasaan dicalar-calar disiat-siat

Apalah makna hidup
Jika tiada bertanah
Tiada ketuanan di bumi sendiri

Hanya batu kecil senjata rapuhmu
Tapi itulah senjata ampuh burung ababil
Mengalahkan kedegilan Abrahah dan tentera bergajah
Ingin meruntuh Baitullah
Percayakah kau
Bahawa batu kecil itulah
Akan meruntuhkan kegilaan Tel Aviv
Dan kesombongan New York

(27 Disember 2007)

Sajak ini menceritakan bagaimana penderitaan yang dialami oleh orang-orang Palestin yang telah diseksa oleh zionis Israel. Ia juga menggambarkan pengorbanan mereka memperjuangkan bumi tempat tumpah darah yang juga menjadi kiblat pertama umat Islam. Bahkan kita sebagai umat Islam juga diseru agar peka dan prihatin terhadap perjuangan mereka. Malah kita juga dituntut untuk membantu sesama umat Islam. Ajakan dan seruan dakwah ini disampaikan secara tidak langsung dalam puisi ini.

Dua rangkap '*Hanya batu kecil senjata rapuhmu, tapi itulah senjata ampuh burung ababil*' yang disebut dalam sajak ini juga menggambarkan pertolongan Allah yang maha berkuasa atas setiap makhluknya, walaupun hanya batu kecil dijadikan senjata tetapi ia mampu mengalahkan kekuatan yang berganda.

Sajak yang berkait dengan pengharapan dan doa juga banyak dinukilkan oleh Abham T.R. Berikutnya ini merupakan antara sajak yang mengajak manusia supaya tahu bersyukur.

'Apabila Tak Tahu Bersyukur'

Apabila hujan turun mencurahkan bah
Orang mula gelabah
Kereta rumah harta dan tanaman musnah
Hujan turun perlahan
Butiran kecil menjirus tanaman
Orang juga terlupa Tuhan
Memakmurkan alam

Apabila kemarau menyerang
Gelisah kepanasan membahang
Rumput merah tanaman musnah
Ternakan mati kehausan dan kelaparan
Tuhan menurunkan suhu
Angin dingin serta hujan air
Orang juga terlupa Tuhan
Membasah bumi memberinya makan

Ribut salji di padang pasir
Hutan terbakar di Eropah Barat
Banjir besar di Amerika
Fenomena alam dipersalahkan
Orang terlupa Tuhan
Memberi sedikit pengajaran

(Muharram 1428H)

Sajak ini menceritakan berkaitan manusia yang alpa dengan nikmat dunia yang diberikan oleh Allah SWT. Dua rangkap ‘*Apabila kemarau menyerang, gelisah kepanasan membahang*’ menunjukkan ayat peringatan apabila datang bala daripada Allah SWT yang akan menyebabkan manusia dan makhluk barada dalam keadaan kucar kacir. Ayat ini disebut sebagai mesej ancaman (*tarhib*) yang biasa digunakan dalam al-Quran terutamanya ketika menyampaikan peringatan kepada manusia berkaitan azab dan seksaan kepada golongan yang berbuat dosa.

Adapun dua rangkap ini pula ‘Fenomena alam dipersalahkan, orang terlupa Tuhan’ menyentuh bagaimana respon manusia terhadap peringatan Allah SWT kepada mereka. Wujud segolongan yang menerima dan jadikan ia sebagai peringatan, manakala golongan yang ingkar kepada perintah Allah SWT tetap mengatakan ia hanyalah fenomena alam semata tanpa merubah diri untuk lebih dekat kepada Allah SWT. Rangkap-rangkap yang dihasilkan ini mampu memberi kesedaran kepada pembaca yang menghayati, malah ia sebagai bahasa sindiran kepada manusia yang sering lupa tentang pelbagai nikmat yang diberikan oleh Allah SWT.

Contoh-contoh sajak yang dibawakan ini adalah sebahagian sahaja daripada nukilan yang dihasilkan oleh Abham T.R. Berdasarkan beberapa nukilan ini membuktikan banyak unsur dakwah Islam yang diterapkan dalam sajak beliau. Antara mesej dakwah yang boleh dijadikan pengajaran adalah berkaitan dengan prinsip sebagai orang Islam, pertahankan hak-hak hukum dalam Islam, penjagaan maruah dan negara orang Islam, muhasabah diri, bersyukur dan sebagainya lagi yang kita boleh jadikan panduan dan sandaran dengan bahasa yang singkat dan tersirat. Justeru kajian ini membuktikan bahawa sajak dan puisi Abham T.R. mampu memberi sumbangan yang besar terhadap penerokaan dalam bahasa mewakili sajak dan puisi yang mempunyai elemen ajaran Islam. Ia juga sebagai satu mekanisme yang boleh digunakan dalam menyampaikan ajaran Islam.

KESIMPULAN

Abham T.R. atau nama sebenarnya Dr. Abdul Aziz Haji Mahmood membuktikan bahawa beliau merupakan salah seorang penulis yang berbakat dan mampu membawa sajak dan puisi kepada elemen Islam sekali gus boleh mendekatkan masyarakat kepada Islam. Ia juga membuktikan sumbangan Bahasa Melayu Sastera sebagai satu bidang penulisan yang boleh digunakan sebagai dalam medium penyebaran dakwah Islam kerana penulisan sajak dan puisi yang berorientasikan Islam merupakan satu kesenian dan juga cara penyampaian dakwah secara santai.

RUJUKAN

A.Halim Ali, Norazimah Zakaria & Ariff Mohamad. 2017. Gambaran Budaya Masyarakat Brunei dalam Kumpulan Puisi Diam-diam Karya K. Manis. *Jurnal Melayu*,16(2), 45-60.

- Amat Juhari Moain. 1985. Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu. Suatu analisis sosiolinguistik. Tesis Ph.D. Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Faizal Musa & Khalila Iliia Ismail. 2016. Makanan dalam Pembayang Pantun Melayu: Satu Wacana dari Perspektif Gastronomi. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 65-76.
- Muhammad Haji Salleh. 2011. In search of literary love in malay literature: The early stages of relationship. *Asiatic*, 5 (2): 17-39.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 87-99.
- Sim, Katharine. 1987. *More than a Pantun: Understanding Malay verse*. Singapore: Times Book International.
- Wan Abdul Kadir, 1998. Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam. *Jurnal Pengajian Melayu*, 8:82-97.
- Zikmal Fuad. 2015. Pendekatan Bahasa dalam Dakwah (Satu Kajian dari Perspektif al-Qur'an). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 2 (2), 14-25.
- Abham T.R. 2010. *Kumpulan Sajak di bawah Pohon Matahari Khatulistiwa*. Kota Bharu: Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA).
- M.Isa Anshary. 1979. *Mujahid Dakwah, Pembimbing Muballigh Islam*. Bandung: Penerbit CV. Dipanegara.
- Hashim Awang. 1984. *Temam Pelajar Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Noraini Mohamad. 2017. Abham T.R. dan Sumbangannya dalam Puisi dan Sajak Islamik. Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara ke-2, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Bangi, November.

Biodata Penulis:

Noraini binti Mohamad merupakan pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pemegang ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin, Hadith dan Ulum al-Hadith), Universiti al-Azhar, Mesir. Sarjana Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan), UKM.

Mariam Abd. Majid, PhD, Profesor Madya di Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bidang kepakaran beliau ialah Usuluddin, Metodologi Dakwah, Psikologi Dakwah, Psikologi Rumah Tangga, Dakwah Muallaf dan Pemasaran Dakwah.